

LIPATAN SEJARAH

Maksiat semakin berleluasa di Kuala Lumpur

PADA 4 Februari 1979, akhbar *Utusan Malaysia* melaporkan kes-kes maksiat di sekitar Wilayah Persekutuan telah bertambah lebih 100 peratus dalam tahun 1978 jika dibandingkan dengan jumlah pada tahun sebelumnya.

Seorang jurucakap Jabatan Agama

Wilayah Persekutuan memberitahu, dalam tahun 1977 jumlah maksiat yang dilakukan dan diketahui oleh jabatan tersebut ialah 229 kes, sementara dalam tahun lepas jumlahnya telah meningkat kepada 480 kes.

ANTARA PERISTIWA LAIN YANG MENARIK

- | | | |
|--|--|---|
| <p>● 4 Februari 1971
 Kerajaan Selangor tidak akan meluluskan sebarang projek perumahan yang namanya tidak mencerminkan keperibadian Malaysia, kata Menteri Besar, Datuk Harun Idris.</p> | <p>● 4 Februari 1972 -
 Beribu-ribu orang penunjuk perasaan Republik Ireland membakar Kedutaan British kerana marah berikutan dengan upacara pengkebumian 13 orang mangsa pertumpahan darah di Londonderry.</p> | <p>● 4 Februari 1974
 Sebuah filem berwarna mengenai Universiti Sains Malaysia yang menelan kos sebanyak RM10,000 telah memulakan penggambarannya di Pulau Pinang sejak 30 Januari lalu.</p> |
|--|--|---|

